

# Fuyuko kuasai bahasa Malaysia dalam tempoh tiga bulan sahaja

UB 24.11.2019 4

Oleh Yap Siong Han

**KOTA KINABALU:** Hanya berbekalkan kamus dan buku nota, seorang pelajar Jepun berjaya menguasai bahasa Malaysia dalam tempoh hanya tiga bulan sahaja.

Fuyuko Iwasaki adalah pelajar dari Jepun datang ke Sabah pada 2012 bagi menjalankan kajian beliau dalam program antarabangsa daripada universiti di negara asalnya.

Kebatasan bahasa bukan penghalang kepada seorang graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menamatkan pengajian beliau dalam Ijazah Sarjana Sastera (Sosiologi dan Antropologi Sosial).

"Pada masa itu tanpa mengetahui apa-apa bahasa Malaysia atau tempatan di sini, saya memasuki Kampung Ulu Papar untuk menamatkan kajian saya.

"Pada 2013 saya sekali lagi datang ke Sabah dan kali ini ke Kampung Buayan Penampang. Pada ketika inilah saya meng-

habiskan masa tiga bulan di kampung ini bagi mendapatkan data kajian.

"Dengan hanya sebuah kamus dwibahasa dan buku nota, saya berjaya mempelajari bahasa Malaysia dalam tiga bulan sahaja," katanya ketika ditemui pada majlis Konvokesyen UMS ke-21 2019, di sini semalam.

Beliau sangat berterima kasih kepada keluarga yang membenarkan dia tinggal secara homestay di kampung berkenaan.

Katanya, selepas itu, pada 2015 dia mendaftar di UMS sebagai pelajar dalam program Sosiologi dan Antropologi Sosial.

"Disini saya juga mempelajari bahasa Dusun dan kini saya turut mampu bertutur dalam bahasa berkenaan.

"Saya merancang untuk mencari kerja dahulu sebelum meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu, Juraidah Manggul yang berjaya menamatkan pengajian dalam

Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Pendidikan) adalah seorang stroke survivor.

Katanya, beliau terkena penyakit berkenaan pada bulan Ogos 2018 ketika sedang giat meneruskan pengajian.

Menurutnya, selepas 14 hari daripada kejadian itu, selepas pembedahan, dia hilang ingatan dan pertuturan.

Bagaimanapun, selepas 25 hari daripada kejadian itu dia mula ingat kembali dan mula bercakap selepas sebulan kemudian.

Selepas itu dia mula meneruskan pembelajaran, latihan peta minda, mengajar dan sebagainya.

"Saya sangat berterima kasih kepada UMS yang sentiasa memberikan sokongan kepada saya selepas masalah kesihatan yang berlaku kepada saya," katanya.

Beliau yang kini mampu berjalan perlahan menggunakan tongkat turut membentangkan Vivanya pada 14 Mei 2018.